

LATIHAN BAB 10 : PEMASYHURAN KEMERDEKAAN

Arahan : Lengkapkan tempat kosong berikut dengan satu patah perkataan yang betul.

Rujuk buku teks m/s 234 hingga 239.

Bil	Pernyataan	Jawapan
1	Menurut kamus dewan, kemerdekaan adalah bebas daripada penjajahan, kurungan atau _____.	
2	Mahatma Gandhi merupakan tokoh pejuang kemerdekaan _____.	
3	Menurut Tunku Abdul Rahman, kemerdekaan ibarat tempat _____ dalam perjalanan jauh bagi mewujudkan sebuah negara baharu yang berdaulat.	
4	Dato' Abdul Razak Hussein telah memaklumkan kepada rakyat menerusi Radio _____ tentang atur cara sambutan kemerdekaan.	
5	Stadium _____ telah dibina bagi meraikan sambutan kemerdekaan.	
6	Lagu negaraku berasal daripada lagu Terang Bulan, lagu negeri _____	
7	Semua pegawai dan kakitangan kerajaan diberikan gaji _____ awal untuk memberi peluang menyambut kemerdekaan.	
8	Sambutan kemerdekaan dimulakan pada 30 Ogos 1957 di Padang Kelab _____.	
9	Tepat jam 12.00 tengah malam 31 Ogos 1957, _____ dipasang semula dan diikuti dengan laungan merdeka.	
10	Tunku Abdul Rahman menerima rantai emas yang tergantung sebutir pingat emas yang berukir peta Semenanjung Tanah Melayu dan gambar Tunku dalam peta itu pada hari pemasyhuran kemerdekaan negara. Di tepi bulatan peta, ditulis perkataan " _____ Kemerdekaan Tanah Air".	